

Cerpen

Perempuan yang Membuang Ayahnya pada Waktu Subuh

Jasni Matlani

“APAKAH kau menangis teresak-esak seperti orang lain apabila kehilangan ayah” Soalan itu sungguh menyakitkan dan membuatkan kepala kau kosong tanpa suara, walaupun angin sedang menderu, dan menyentuh palma daun. Aku tahu, melihat wajah dan gerak tubuhmu, sebenarnya kau tidak mahu bercakap tentang sesuatu yang membuat hatimu keras seperti batu, tetapi aku telah memancing perhatian kau dengan umpan yang sangat menyelerakan, dan aku tahu kau akan menjadi seperti seekor ikan yang tertawan dengan umpan itu, terperangkap di hujung mata kail yang tajam dan menunggu maut. Kalau sesiapa pernah melihat ikan yang malang di dalam air seperti itu, maka takdir selalu menjadi perkara kedua berbanding keperluan yang memenuhi naluri lapar semula jadi yang memusnahkan kehidupan kau. Sebab itu kau menjawab dengan tegas,

“Tidak! Sesekali tidak! Kau ingat kata-kataku ini. Aku tidak akan menangis untuk seseorang yang hilang seperti sampah. Tidak!”

Wajah kau merah, dan aku tersedak seperti terminum air laut tujuh lautan ketika mendengar jawapan itu. Memang benar, jawapan yang kau berikan sungguh bersahaja, tetapi dibebani perasaan marah yang dahsyat, dan sangat mengejutkan. Aku masih ingat, angin bertiup lembut dan kedinginan menyusup ke dalam salur darah, bersenggama dengan jiwa, sementara dedaun bergoyang seperti jemari lentik gadis menari di bawah cahaya bulan yang kelam. Aku masih terbayang dengan jelas betapa kau masih memerhatikan warna jemari kuku kau seolah-olah seluruh kehidupan ini terlukis di atas warna kuku itu. Kemudian kau mengangkat wajah, berkalih ke sebelah kiri memandang malam yang hitam dibungkus cahaya bulan yang kelam, dan hantu jembalang berkeliaran menakutkan mangsanya. Ketika itu, aku mendengar seolah-olah ada suara yang mempersoalkan, apakah yang lebih menakutkan bagi seseorang yang terkejut dengan jawapan yang diluar dugaan, sehingga aku memikirkan, jawapan yang kau berikan pada malam itu amat mengejutkan, dan menyebabkan seluruh serangga keluar dari tempat persembunyian. Lalu kau bertukar menjadi katak yang pandai menyanyi dan memanggil hujan.

Nama kau Nurul Fatimah. Ya, Nurul Fatimah Abdullah. Nama yang cantik mengikut ukuran masyarakat madani kampung kami. Lebih cantik daripada nama makhluk yang diberikan cahaya, dan cahaya itu berkilau menyelurahi tubuhnya. Lalu beberapa tahun kemudian, aku mendapati kemustahilan menyakitiku, seperti cecair racun disuntik ke dalam tubuhku, apabila memanggil kau dengan nama yang lain. Aku masih ingat beberapa perkataan yang membingungkan, dan pernah muncul di antara kita, misalnya sewaktu kita duduk di bawah lampu yang dengan asyik memerhati saiz tubuh kau yang tinggi lampai, dan wajah kau yang bujur sirih. Kemudian aku merasa kekosongan meresap ke dalam cahaya lampu yang memandang tepat ke arah kau. Pandangan lampu itu seolah-olah menjadi ikan jinak yang mencari kepastian dalam mata kau. Aku cuba mempercayainya, tetapi kemudian tanpa dikawal kepalaku menggeleng beberapa kali, gagal merumus sebarang jawapan bagi

persoalan berat yang membebani benakku, sehingga menyebabkan kau ketawa sinis seperti orang gila.

“Aku memang tidak percaya. Tidak percaya! Cakaplah apa saja, aku tidak percaya dengan segala kata-kata dan rumusmu. Aku tidak percaya” kata kau dengan suara berbaur tawa yang masih berbaki, seperti kau ketawa pada hari kematian ibu kau sebelum menghilang beberapa tahun lamanya ditelan kemelut kota jahanam yang membunuh segala perasaan balas kasihan dan memasukkan segala benih kebaikan ke dalam mangkuk tandas itu “Sekali lagi, aku tidak percaya! Hal seperti itu tidak mungkin berlaku dalam sejarah kehidupan manusia. Kita lahir kerana takdir sendiri, dan jangan sesekali panggil aku sebagai penderhaka yang tidak mencium bau syurga, kerana ayahku yang menyedihkan dan amat malang itu.” Sambung kau dengan wajah yang enggan tunduk ke langit. Begitu enggan!

Aku mengeluh berat. Keluhan itu aku rasakan seperti seketul batu menyesak keluar dalam saluran pernafasanku. Aku melihat kau bertukar menjadi seperti sebiji gelas yang tidak dapat disentuh, dan sebuah dunia lain muncul di sebaliknya, melalui kaca gelas yang jernih itu. Aku tidak tahu, apakah yang berlaku sebenarnya? Tetapi lama kelamaan aku mula memahami, betapa perubahan sebenarnya tetap berlaku seiring waktu. Banyak perkara yang boleh mengubah pandangan seseorang sehingga menyebabkannya bertukar menjadi seekor raksaksa yang jahat, tiada pertimbangan akal dan dikuasai emosi yang melimpah ruah pada waktu dan tempat yang tidak diperlukan? Walau bagaimanapun, hidup mesti diteruskan, dan ketika itulah aku memandang dan menyeluruhi kau sebelum bertanya,

“Mengapakah kau tidak kisah dengan bau syurga? Mengapa kau sekeras itu?” Namun, hanya soalan itu yang dapat diluahkan.

Tujuh minit kemudian aku berfikir, bagaimana soalan itu muncul di hujung bibirku dan keluar ke tengah kegelapan, di mana kejahatan yang lembut mempengaruhi persekitaran seperti yang berlaku dalam mimpi, lalu kau meludah dengan jijiknya ke luar jendela. Aku masih ingat betapa aku mengangkat kedua belah kening seolah-olah melihat Tuhan makin mengecil dalam mata kau. Ketika itu juga aku berfikir, barangkali kau kehilangan kepercayaan terhadap Tuhan. Ramai orang meragui Tuhan apabila mabuk dengan kekayaan dan keghirahan dunia, tetapi percaya atau tidak, kau memang mempunyai sejarah yang aneh, dan itu pernah dicatat pada bungkah batu besar yang dipersembahkan penjajah British kepada hantu jembelang sekutu mereka semasa zaman awal penjajahan dahulu. Sebab itu, pada hari raya aidilfitri tahun ganjil itu, semua orang tahu kau menghalau dan membuang ayah kau yang tua renta di pintu gerbang masjid, dan akhirnya ditemui dalam keadaan yang sangat menyedihkan dan lemah oleh imam yang hendak mengerjakan solat subuh di masjid itu.

Ayah kau yang baharu sahaja keluar dari hospital kerana menghidap penyakit alzheimer yang menyedihkan itu, seperti orang hilang akal tetapi tidak menitikiskan air mata sedih walaupun kalbunya seperti ditoreh pisau getah, dan darah mengucurkan penderitaan yang tidak tertanggungkan. Apakah jadinya penyakit itu sehingga kau tergamak membuang ayah kau seperti sampah di pintu gerbang masjid? Bukankah penyakit Alzheimer itu, hanya suatu penyakit lumrah bagi setiap orang dalam proses penuaannya. Fitrah biologi manusia itu begitu. Hampir semua orang yang mengalami proses penuaan mengalaminya. Pada mulanya ayah kau mungkin hanya lupa di mana dia meletakkan kunci rumah, lupa mengambil baki wang, lupa jalan pulang ke rumah, lupa nombor telefon atau lupa dos ubat yang biasa dimakan setiap hari.

“Tetapi bukankah semua itu hanya perkara biasa yang lumrah. Sungguh lumrah!” kataku, tetapi kau hanya memandang jari kuku tanganmu yang dicat warna ungu seperti warna hati yang tidak disentuh cahaya.

“Bagi seorang tua yang dimakan usia, lupa mencampurkan gula dalam minuman, lupa meletakkan garam dalam masakan, lupa cara-cara membancuh air dan sebagainya itu, hanya

merupakan proses kehidupan yang biasa bagi sesiapa sahaja yang dikesan mempunyai tanda-tanda awal sindrom Alzheimer. Hanya apabila pesakit sudah tidak mampu melakukan perkara asas seperti menguruskan diri sendiri, keliru dengan keadaan persekitaran di rumah, tidak mengenali rakan atau ahli keluarga yang terdekat, itu tandanya tahap pesakit Alzheimer yang dihidapinya memasuki fasa atau peringkat yang serius, dan ayah kau memasuki fasa dan peringkat itu, tetapi apakah dia perlu dibuang seperti sampah di pintu gerbang masjid, dan kemudian kau tenggelam di tengah kemelut kota jahanam yang penuh keghiarahan itu, dan pada waktu tertentu duduk di dalam kamar hitam sambil memerhati warna jari kuku tangan kau yang ungu dan menternak kejahatan?" Soalku dan kau merenungku tajam. Setajam mata pisau yang dahagakan nyawa. Pandangan itu menikam ulu hatiku. Waktu itu kita duduk di sebuah kafe di pinggir kota jahanam yang menyedihkan itu setelah keluar berasak-asak menuruni tangga eskalator dalam perjalanan pulang daripada bersuka ria di sebuah kawasan pelancongan pinggir laut beberapa kilometer jaraknya dari cafe itu.

Kau kemudian hilang pertimbangan, lalu menyergah marah "Jangan campur-adukan urusan kukuku dengan kehidupan. Kau tidak berhak... Tidak berhak mencampur-adukannya. Kukuku selama-lamanya menjadi urusan peribadiku. Urusan peribadi hidupku! Kau harus tahu, batas privasi yang harus dihormati di antara kita. Tidak peduli siapa yang menulis undang-undang mengenainya. Ingat! Walau apapun alasannya, kau tidak berhak mencampuradukkan urusan kukuku, dengan ayahku dan kehidupanku. Tahu?"

Kau menuding jari ke arahku dengan pandangan mata yang membulat merah seperti mata raksaksa yang hendak membaham mangsanya. Mata kau tidak berkelip. Seingatku, itulah hari yang malang dalam sejarah pertemuan kita. Angin mati. Daun-daun berguguran di atas kuburan. Aku mendengar bunyi air menitis di selokan, dan kau mengheret ayah kau, lalu memaksanya mengutip sampah menggunakan mulut seperti yang dia pernah lakukan kepada kau adik beradik semasa kecil dahulu. Kau menendangnya, kau melanjutkannya seperti dia melanjutkannya kau adik beradik suatu ketika dahulu dan memukul tanpa balas kasihan. Kau memulangkan balik segala perbuatan buruk ayah kau dan meletakkan hukum karma itu di pundaknya.

Tetapi lihatlah apa yang telah kau lakukan terhadap ayah kau? Penyakit Alzheimer yang dihidapinya semakin teruk kerana penderaan yang kau lakukan sebelum imam dan para Jemaah kariah masjid itu menghantarnya ke rumah Penjagaan Orang Tua, dan tentunya selepas kau membuang ayah kau di pintu gerbang masjid pada malam aidilfitri yang ganjil itu. Sekarang, kata imam masjid itu yang selalu mengunjunginya, adakalanya ayah kau menjadi semakin agresif, cepat marah dan hilang minat untuk berinteraksi dengan orang lain. Tingkah lakunya semakin pelik. Adakalanya dia menjerit, terpekik dan mengikut penjaga rumah Penjagaan Orang Tua ke mana saja, walaupun masuk ke dalam tandas. Dia seolah-olah sudah mempunyai dua dunia yang berbeza. Suatu ketika, kata imam masjid itu lagi, ayah kau seolah-olah mendengar suara atau bisikan halus dan mengadu ternampak bayangan menakutkan sedang memburunya seperti jembalang hitam yang menjadi sekutu penjajah British ketika menjajah negeri ini dalam dunia halusinasinya. Dia tidak pernah mengingati kau lagi. Tidak pernah!

Malah, aku sedar. Aku tahu, sebelum kau membuang ayah kau di pintu gerbang masjid itu, kau memang semakin tertekan, kerana kau terpaksa menjaga seseorang yang tidak menjaga, sebaliknya mendera kau adik beradik sewaktu kau kecil dahulu. Kau tertekan kerana kau tiba-tiba kembali ke dunia masa silam kau dan terpaksa menjaganya selama '36 jam' sehari. Tetapi percayalah segala-gala apa yang kau lakukan itu tidak akan mengubah apa-apa. Dia tetap ayah kau, walaupun kau membuangnya di hadapan pintu gerbang masjid pada malam hari raya aidilfitri yang ganjil itu, seperti kau membuang sisa makanan di dalam kawasan pembuangan sampah, atau seperti membuang najis di dalam mangkuk tandas.

“Namun, dia tetap ayah kau. Ayah kau...” Aku menekankan suara, melawannya seperti aku sedang mengheret tubuhku mengharung ribut taufan Hayan yang menggila, dan mengumpul segala mimpi burukku ke dalam sebuah pertemuan yang akan mengubah perhubungan kita selepas itu, tetapi mata kau tetap semakin merah seperti seluruh darah dalam tubuhmu berkumpul dalam bola mata kau yang menakutkan itu, lebih menakutkan daripada mata serigala yang dahagakan darah ketika bulan mengambang penuh.

“Jadi, apa yang hendak kau katakan? Kau hendak memanggilku dengan nama baru, “Si penderhaka yang tidak mencium bau syurga?” atau “Anak jahanam yang membuang ayahnya di pintu gerbang masjid pada waktu dan tempat yang tidak diperlukan?”

Aku terhenyak. Aku tidak menjawab soalan yang sepatutnya kau sendiri yang menjawabnya. Sebab itu aku akhirnya perlahan-lahan mengendurkan ketegangan, sementara kau menarik nafas dalam, turut memperbetulkan kecelaruan, diam beberapa saat, dan seperti hendak memasukkanku di dalam bakul sampah. Tetapi, aku memotong semua perasaan negatif itu sambil melihat kau memandang keluar jendela kaca kafe yang menghadihkan keindahan, tetapi keindahan itu mula menghablur ke dunia lain, sementara kesakitan terus menghantui kota jahanam yang menghairahkan itu.

Aku kemudian tunduk, memandang gelas kapucino di hadapan kau, dan membiarkan asap hilang di udara, tetapi entah mengapa hatiku masih bersimpati terhadap orang tua itu walau betapa hitam sekalipun lukisan kanvas yang mewarnai sejarah masa lalu kau. Aku masih memikirkan perjalanan hidup manusia dan nasib ayah kau yang terpaksa berjalan ke sana sini tanpa sebab dan mungkin lebih banyak tidur pada waktu siang berbanding waktu malam. Aku memikirkan saraf otaknya yang kompleks dan itu akan berlaku kepada sesiapa sahaja, yang menyebabkan fungsi otak itu semakin menurun. Daya ingatan yang terus merosot dan itu juga terjadi terhadap ayah kau, sehingga dia tidak lagi mampu mengurus diri. Dia bukan nyanyuk sebenarnya. Tidak! dia tidak nyanyuk, walaupun ia merupakan salah satu daripada jenis penyakit nyanyuk yang dipanggil dementia, tetapi sebenarnya dia tidak nyanyuk. Sebaliknya, ayah kau menghidap sejenis penyakit atau masalah kesihatan yang menyakitkan dan menyiksa kau selama-lamanya kerana proses penuaan biologi manusia.

“Kau lebih tahu daripadaku. Kau lebih arif bagaimana ayah kau hilang magis pertuturan, hilang fungsi intelektual, kewarasan yang semakin lemah, perubahan personaliti dan tingkah laku yang sering tidak terkawal. Aku tahu, keadaan itu sungguh membebankan kau. Walau bagaimanapun, aku pasti, kau sepatutnya menerima kenyataan ayah kau dengan ikhlas. Bukan menghukumnya kerana dendam yang tidak berkesudahan terhadap kejahatan masa lalunya. Kau...”

Aku terhenti.

Namun kau tetap bersahaja melihat warna jemari kukumu dan kemudian memandang ruang kosong di hadapan kau, tanpa sebarang penyesalan dan ketakutan. Kau tidak pernah menghiraukan sama ada aku pernah muncul di tengah-tengah ruang itu atau tidak. Sama ada aku bersimpati terhadap kau atau tidak, tetapi pada waktu malam, aku melihat mayat-mayat melompat di jendela dan kau salah seorang daripadanya. Kau ketawa tanpa memperdulikan punca penyakit ayah kau. Alzheimer yang mengubah sel-sel saraf normal, dan otak yang semakin mengecut, dipenuhi gumpalan protein luar biasa, plak amiloid, yang serat dan berbelit-belit. Amiloid protein itu membentuk sel-sel plak protein, menyebabkan perubahan kimia otak, dan memusnahkan sel-sel saraf, sehingga menyebabkan neurotransmitter ayah kau terjejas, tidak berfungsi dengan baik sebagai penyampai mesej dari satu neuron ke satu neuron yang lain. Akhirnya, hanya ini yang diketahui semua orang. Semua orang!, Kau telah membuang ayah kau di pintu gerbang masjid, pada malam aidilfitri yang ganjil, pada tempat dan waktu yang tidak diperlukan itu.

Biodata Penulis:

Jasni Matlani

Penulis merupakan penerima Hadiah S.E.A Write 2015. Kelahiran Kampung Kebatu, Beaufort pada 16 November 1962. Memperolehi pendidikan di Sabah sebelum bertugas di Bank Negara Malaysia Kota Kinabalu. Kini merupakan Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Pertanian dan Perindustrian Pemakanan Sabah. Beberapa bukunya yang terkini ialah kumpulan cerpen *Pembunuh Anarki* (2015), *Cerita Anjing, Monyet dan Pohon Gingko* (2015) dan kumpulan puisi *Dongeng Perkebunan* (2015).